

Syarikat dari Jerman yakin kestabilan Kerajaan Perpaduan

Anwar tegaskan Infineon buat pelaburan RM25b di Kedah hasil jaminan konsep Malaysia MADANI

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, syarikat pelaburan dari Jerman, Infineon Technologies AG (Infineon), membuat pelaburan tambahan lima bilion Euro (RM25 bilion) di Kulim, Kedah berikutan yakin dengan kestabilan pimpinan Kerajaan Perpaduan ketika ini.

Perdana Menteri berkata, syarikat berkenaan terlebih dahulu meminta kepastian berhubung kebimbangan mereka terhadap golongan pelampau agama dan kaum di beberapa negeri.

“Saya yakinkan pelabur, golongan sebegitu tidak mungkin memenangi hati rakyat.

“Apabila kita jawab begitu, dia akhirnya setuju bawa pelaburan,” katanya berucap pada majlis Ceramah Umum Perpaduan di Dataran Anak Muda di sini, malam kelmarin.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata, keputusan pelaburan Infineon itu dicapai selepas Kerajaan Kedah membuat rundingan selama 13 bulan, tetapi gagal mencapai kata putus.

Sebelum ini, Ketua Koordinator Pertubuhan Demokrat Sosial (DEMUDA), Aliff Naif Mohd Fizam, berkata kejayaan Perdana Menteri menarik pelaburan tambahan berjumlah RM25 bilion oleh Infineon di Kulim membuktikan keyakinan pelabur asing terhadap pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, Infineon mengadakan pertemuan di negara ini dua bulan lalu.

“Dua bulan lalu dia datang dan mahu melabur lima bilion euro, malah Amerika Syarikat, Eropah dan negara lain juga turut berminat melabur di sini.

“Mereka datang tanya saya, sebelum saya bawa ke mesyuarat lembaga. Pertama mereka tanya adakah yakin negara akan stabil dan Kerajaan Perpaduan



Anwar berucap pada majlis Ceramah Umum Perpaduan di Dataran Anak Muda, Petaling Jaya, malam kelmarin. (Foto Genes Guitah/BH)

akan kekal?

“Saya kata, Insha-Allah dalam lima tahun ini tidak akan terganggu,” katanya

Anwar berkata, kepastian kedua adalah mengenai dasar ekonomi dan kerajaan menjelaskan jaminan itu dengan adanya Konsep Malaysia MADANI.

Basmi miskin tegar

Dalam ceramah berasingan di Ampang Jaya malam kelmarin, Perdana Menteri menyatakan komitmen kerajaan membasmi kemiskinan tegar menjelang akhir tahun ini.

Anwar berkata, semua agensi kerajaan berkaitan akan terus digembleng untuk memastikan matlamat itu dapat dicapai.

“Saudara ingat saya sebagai Perdana Menteri boleh tidur nye-

nyak dan fikir orang itu (golongan miskin tegar) terabai? Tak boleh.

“Untuk bina mercu tanda tertinggi jambatan paling panjang, itu bukan kerja saya. Kerja saya yang pertama, selesaikan masalah rakyat di bawah.

“Pertama, orang paling miskin dalam kalangan kita. Kita ini ramai yang miskin, tapi yang termiskin disebut miskin tegar, kita kena selesaikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Ceramah Jelajah Perpaduan di Ukay Perdana, malam kelmarin.

Hadir sama, calon PH Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Antarabangsa, Mohd Kamri Kamarudin dan calon PH DUN Lembah Jaya, Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad atau Alti-met.